

WOP pupuk kesedaran peliharaan alam sekitar

Kuala Lumpur: Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) meneruskan komitmen dalam aktiviti kesukarelawanan melalui penganjuran *Wonderspartans Outreach Programme* (WOP) di Balok dan Cherating, Pahang, baru-baru ini.

Program yang dianjurkan oleh Sekretariat Sukarelawan Kolej Empat Belas, UPM itu menekankan kepada matlamat untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada pelajar serta masyarakat mengenai aktiviti kesukarelawanan yang lebih berfokus kepada alam sekitar dan tidak hanya tertumpu kepada komuniti semata-mata.

Pengarah program, Anis Maisarah Sharulnizam, berkata pantai dan penyu dipilih sebagai fokus untuk WOP kali ini kerana ramai yang masih belum sedar mengenai kepentingan menjaga alam sekitar dan kesan membuang sampah merata-rata.

"Kita seronok berkelah di pantai menikmati keindahan sekeliling tetapi kita tinggalkan pelba-

gai jenis sampah. Tindakan itu bukan sahaja tidak bertanggungjawab kepada manusia tetapi juga kepada alam dan hidupan laut seperti ikan serta penyu.

"Jika bukan kita yang bertanggungjawab, siapa lagi akan selamatkan alam sekitar kita. Oleh itu, saya berharap WOP ini mampu menjadi program perintis untuk lebih banyak program kesukarelawanan alam sekitar pada masa depan," katanya.

Sempena program itu, aktiviti *Clean Beach, Clean Ocean* diadakan di Pantai Balok dan Cherating yang membabitkan kerja pembersihan pantai bersama-sama komuniti, sekali gus memupuk kesedaran mengenai kepentingan menjaga serta memelihara kebersihan alam sekitar.

Peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk menjalankan kerja pembersihan sambil membuat video *#trashchallenge #greenvlog*, manakala sampah yang dikutip berpandukan persempadanan yang ditetapkan akan diasingkan mengikut kate-



Peserta WOP dan komuniti bergambar bersama-sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Lembing, Datuk Md Sohaimi Mohamed Shah ketika majlis penutupan WOP, baru-baru ini.

gori sampah dan ditimbang oleh pihak Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Pahang.

Selain itu, peserta berpeluang mengadakan lawatan ke *Natural Village* Batik di Balok bagi merasai pengalaman mencanting batik, melihat proses pendaratan dan pengasingan ikan di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Kuan-

tan, menyertai forum bertajuk Islam dan Alam di Masjid Sungai Ular dan perkongsian mengenai penyu sebagai spesies hidupan laut terancam di Pusat Konservasi dan Santuari Penyu, Cherating.

Pegawai pengiring program, Siti Mahsuri Talib, berkata program sedemikian membawa impak positif kepada peserta dan komuniti setempat dari aspek

kepentingan menjaga dan memelihara alam sekitar serta membuka minda masyarakat terhadap aktiviti kesukarelawanan berkaitan alam sekitar.

"Banyak pengalaman baharu yang sangat berharga berjaya diperolehi, sekali gus mencapai objektif penganjuran program ini yang memfokuskan kepada kesukarelawanan alam sekitar," katanya.